

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ
BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini usaha mengembalikan ketirisan hasil pendapatan negara akibat penyeludupan rokok tidak sah yang dianggarkan bernilai sebanyak RM5 bilion setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Belanjawan 2021 Kerajaan telah mengumumkan beberapa strategi bagi mengurangkan ketirisan hasil yang disebabkan oleh aktiviti penyeludupan rokok tidak sah, antaranya dengan memperkasa penubuhan dengan izin, *Multi-Agency Task Force* melalui penyertaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional dalam pasukan penguatkuasaan sedia ada. Pasukan kerja berkenaan dianggotai oleh pelbagai agensi penguatkuasaan yang berkerjasama rapat dalam meningkatkan usaha dan perkongsian maklumat di antara agensi untuk memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di seluruh negara.

2. Selain itu, pelbagai langkah membendung aktiviti penyeludupan rokok tidak sah telah dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 seperti berikut:

- a. Membekukan lesen import baharu bagi rokok;
- b. Memperketatkan pembaharuan lesen import rokok sedia ada dan mengenakan kuota import;
- c. Mengehadkan dengan izin, aktiviti *transshipment* rokok kepada pelabuhan tertentu sahaja;
- d. Menganakan duti dan cukai ke atas rokok yang diimport bagi tujuan eksport semula, dengan kemudahan pulang balik duti dan cukai selepas rokok dieksport semula;
- e. Tidak membenarkan aktiviti *transshipment* dan eksport semula rokok menggunakan bot-bot kecil termasuk bot kumpit dan hanya dibenarkan melalui penggunaan kontena ISO sahaja; dan

- f. Menjadikan rokok dan produk tembakau sebagai barangan bercukai di semua pulau bebas cukai dan mana-mana zon bebas yang dibenarkan jualan runcit.

3. Melalui Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal di bawah pasukan kerja yang sama, Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga berperanan untuk memperkemaskan dasar, fasilitasi dan kawalan sempadan berhubung dengan aktiviti penguatkuasaan. Antara tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- a. Menyertai Operasi Portcullis dengan menghantar *Alert Notification* dengan izin, kepada pihak Kastam di negara jiran seperti Thailand bagi membuat pengesahan dagangan eksport syarikat;
- b. Merangka kaedah operasi yang lebih dinamik seperti Operasi Sepadu Marin Kastam, mengikut tempoh masa tertentu dan memberi fokus kepada sektor operasi laut;
- c. Mengadakan Ops BENTENG melalui pelaksanaan sekatan jalan raya bersama agensi penguatkuasa di sepanjang Pantai Timur Semenanjung bagi menyekat rangkaian pergerakan barangan di jajaran tersebut;
- d. Melaksanakan Ops PACAK di tempat-tempat yang telah dikenalpasti sebagai *hot-spot* dengan izin, bertujuan untuk memutuskan rangkaian penyeludupan;
- e. Menyediakan mesin pengimbas bagi setiap proses keluar masuk sempadan di seluruh negara, yang dikendalikan oleh pegawai kastam ataupun kendalian bersama dengan pegawai operator yang ditugaskan, bagi tujuan mengesan aktiviti penyeludupan;
- f. Menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasaan dan keselamatan serta pihak industri melalui perkongsian maklumat dan operasi bersepadu; dan

g. Menjalin kerjasama antarabangsa melalui perkongsian maklumat perisikan antarabangsa dan operasi antarabangsa yang berkaitan rokok.

4. Berdasarkan statistik perolehan kes penyeludupan rokok tidak sah oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi tahun ini, sehingga 30 Ogos 2021 sebanyak 1,645 kes penyeludupan dengan nilai rampasan sebanyak 26.42 juta ringgit telah direkodkan, yang melibatkan sejumlah 231.81 juta ringgit nilai hasil cukai.

5. Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga akan terus mempergiatkan aktiviti dan tindakan penguatkuasaan walaupun negara sedang menghadapi pandemik COVID-19, melalui aktiviti serbuan, rondaan darat dan air, sekatan jalan raya, pemeriksaan kapal, bot atau kenderaan, Operasi Khas serta Operasi Outlet Rokok.

Sekian, terima kasih.